

1013- SULH SEBAGAI MEKANISME PENYELESAIAN PERTIKAIAN ALTERNATIF DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN: ANALISIS PELAKSANAAN DAN KEBERKESANAN

SUHAIZAD SAIFUDDIN

Universiti Kebangsaan Malaysia
suhaizad@ukm.edu.my

NURUL FADHLINA CHE DAUD

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan
fadhlinadaud@esyariah.gov.my

NURULAKMAR MOHAMAD HILMI

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan
akmar@esyariah.gov.my

ABSTRAK

Sulh merupakan salah satu mekanisme Penyelesaian Pertikaian Alternatif (Alternative Dispute Resolution) yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Mekanisme ini telah dilaksanakan menerusi pelaksanaan Majlis Sulh yang telah mula diperkenalkan sejak tahun 2006 termasuklah di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Sepanjang pelaksanaannya, Majlis Sulh tidak terlepas daripada menghadapi cabaran bagi membantu menyelesaikan pertikaian tanpa melalui perbicaraan. Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis pelaksanaan dan keberkesanan Majlis Sulh di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan seterusnya mengemukakan cadangan yang bersesuaian bagi meningkatkan keberkesanan sulh kepada pencapaian yang optimum. Kajian ini mengaplikasi kerangka kajian kualitatif. Data primer dan sekunder diperolehi melalui kajian perpustakaan, temu bual dan dokumentasi. Kesemua data ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati pelaksanaan sulh melalui Majlis Sulh di negeri ini berjaya mencapai objektif yang digariskan. Dapatan juga menunjukkan kes yang berjaya diselesaikan melalui Majlis Sulh mencapai tahap yang positif. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang dikenal pasti dalam pelaksanaannya. Bagi memastikan momentum penyelesaian kes berjaya dapat dikekalkan, adalah diharapkan agar pihak yang kompeten mengambil tindakan terhadap isu yang berbangkit supaya Majlis Sulh kekal sebagai mekanisme Penyelesaian Pertikaian Alternatif yang efektif di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan pada masa hadapan.

Kata kunci: *Sulh, Majlis Sulh, Mahkamah Syariah Negeri Sembilan, Penyelesaian Pertikaian Alternatif, Mahkamah Syariah.*

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang *syumul*. Bersifat *syumul* ini membawa maksud bahawa ajarannya adalah sempurna, lengkap dan merangkumi semua aspek kehidupan manusia pada segenap lapisan masyarakat bermula dari individu, keluarga, masyarakat dan negara. Kesyumulan Islam ini amat jelas kerana ia terdiri daripada iman atau akidah, ihsan atau akhlak dan syariah atau undang-undang. Islam sangat-sangat menggalakkan perdamaian dan mengelakkan permusuhan. Justeru, Islam telah menyediakan beberapa resolusi penyelesaian pertikaian sejak lebih kurang 1,400 tahun yang lalu sebagai panduan buat umatnya. Resolusi penyelesaian pertikaian ini menyerupai konsep *Alternative Dispute Resolution (ADR)* yang

diaplikasi secara konvensional iaitu penyelesaian pertikaian tanpa melibatkan litigasi dan campur tangan mahkamah. Antara ADR yang dianjurkan Islam adalah seperti *sulh* dan *tahkim*.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif yang dibahaskan secara penyelidikan undang-undang secara bukan doktrin (*non-doctrinal legal research*). Terdapat beberapa kaedah yang akan diaplikasi bagi pengumpulan data penulisan ini iaitu kajian kepustakaan dan temubual. Penulisan ini juga memperolehi data-data dari sumber primer dan sekunder. Bagi data primer, data yang diperlukan diambil menerusi metode temu bual dan dokumentasi undang-undang seperti statut dan rujukan yang berkaitan. Sementara data sekunder diperoleh daripada dokumentasi-dokumentasi yang lain seperti kitab turath, buku, artikel dan statistik. Penulisan ini juga mendapatkan data melalui temubual yang akan dijalankan. Temu bual secara separa struktur dijalankan terhadap tiga orang Pegawai Sulh yang bertugas di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Selanjutnya, bagi menganalisis data yang diperolehi, penulis mengguna pakai metode analisis kandungan.

ULASAN LITERATUR

***Sulh* Menurut Lensa Pandangan Islam**

Sulh berasal dari perkataan Bahasa Arab iaitu *al-sulh* yang merupakan kata nama (*al-ism*) yang berasal daripada kata kerja (*fi'il*) *salaha* bermaksud membawa *al-tasaluh wa al-musalahah*, iaitu saling berdamai selepas bertikai *al-munazalah* (Al-Nasafi,1997). Sementara Al- Raghib al-Asfihani (1972) pula menyatakan *sulh* dikhususkan bagi maksud menamatkan pertikaian antara manusia. *Sulh* menurut syarak ialah suatu akad bagi menamatkan pertikaian di antara dua pihak yang bertikai (As-Syarbini, 1997) manakala menurut Majallah al-Ahkam (1913), *sulh* merupakan akad menyelesaikan pergaduhan dengan keredhaan pihak-pihak dan ia sah dengan ijab dan qabul

Berdasarkan definisi yang diberikan dapat disimpulkan bahawa *sulh* merupakan keputusan atau hasil dari suatu perdamaian atau persetujuan oleh pihak-pihak yang bertikai. Takrifan ini secara umumnya menerangkan bahawa *sulh* menyerupai konsep perundingan (*negotiation*) iaitu penyelesaian pertikaian oleh pihak-pihak yang bertelagah tanpa melibatkan pihak ketiga atau pengantara. Namun, jika dilihat pada kerangka metode penyelesaian yang lebih luas, *sulh* yang bermaksud perdamaian boleh diaplikasikan menggunakan pengantara dengan mengambil prinsip yang terdapat pada *tahkim* dan *sulh* secara wakil yang diharuskan syarak. Konsep *sulh* menggunakan pengantara ini menyerupai konsep mediasi konvensional.

Galakan *sulh* dapat dilihat melalui dalil-dalil daripada Al-Quran, hadith nabi SAW dan ijmak ulama. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya). Kerana perdamaian itu

lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka Sesungguhnya Allah maha mendalam pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan (Surah al-Nisa` ayat 128).

Sulh juga diharuskan berdasarkan firman Allah SAW yang maksudnya:

Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar (Surah al-Nisa` ayat 114).

Galakan yang serupa boleh diperhatikan melalui sabda Nabi SAW yang cenderung kepada penyelesaian secara *sulh* melalui sebuah hadis yang diriwayatkan dari Amru bin `Awf yang bermaksud:

Perdamaian (sulh) hukumnya adalah harus di antara orang Islam melainkan menjadi haram jika ia mengharamkan apa yang diharamkan dan menghalalkan apa yang diharamkan dan sebenarnya Orang Islam itu terikat dengan janjinya kecuali dalam perkara yang mengharamkan apa yang telah diharamkan dan sebaliknya (Subul al-Salam, 2002).

Di samping itu, para ulama juga bersepakat bahawa *sulh* adalah perkara yang harus dan digalakkan Islam. Umar al-Khattab pernah menulis surat kepada Abu Musa al-Asya`ari dengan memberi nasihat dan panduan yang harus diikuti oleh setiap hakim dalam menjalankan tugasnya termasuklah keharusan melaksanakan *sulh*. Antara lain kandungan surat tersebut menyatakan:

Sesungguhnya kehakiman itu adalah satu kewajipan mutlak dan sunnah yang diikuti. Fahamilah suatu perkara itu terlebih dahulu apabila ianya dihadapkan kepadamu, sesungguhnya tidak bermanfaat bagimu sesuatu hak jika ianya tidak dilaksanakan. Berlaku adil dan saksamalah kepada manusia di dalam majlis perbicaraan, pandangan dan hukumanmu, sehingga dengan demikian golongan mulia tidak bersifat tamak terhadap kekuranganmu dengan golongan yang lemah tidak berputus asa di atas yang mendakwa dan sumpah di atas yang ingkar. Sulh itu harus dilakukan di atas kalangan kaum muslimin, melainkan Sulh yang menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal (Ibn Arnus, 1984).

Sulh dilaksanakan secara keredhaan dan tolak ansur diantara kedua belah pihak. Penyelesaian secara *sulh* diantara kedua-dua pihak yang bertikai adalah lebih tepat dan cepat mencapai keadilan kerana pihak-pihak lebih mengetahui terhadap apa yang mereka sepatutnya berhak ke atas sesuatu hak yang menjadi perbalahan. Hal ini dijelaskan Rasulullah SAW dalam sebuah hadith yang diriwayatkan dari Ummu Salawah yang bermaksud:

Sesungguhnya aku seorang manusia dan kamu datang mengadu pertikaian kamu kepadaku. Boleh jadi ada diantara kamu yang lebih petah menghuraikan hujahnya dari yang lain, maka aku memutuskan hukuman seperti mana aku dengar dari keterangan yang kamu beri. Maka sesiapa yang aku hukum baginya sesuatu hak saudaranya maka janganlah ia mengambilnya kerana sesungguhnya aku memberikan kepadanya sepotong api neraka (Sahih al-Bukhari, 1991).

Hadith di atas menerangkan bahawa kadang kala keadilan tidak diperolehi melalui perbicaraan dan hukuman di mahkamah. Ini kerana dalam suatu perbicaraan ada kalanya satu pihak lebih bijak berhujah daripada lawannya dan mendapat sesuatu yang bukan haknya. Oleh yang demikian perbincangan tanpa melalui keputusan mahkamah lebih baik dan utama. Selain itu, *sulh* yang dianjurkan dan digalakkan Islam ini dapat menghilangkan perasaan dendam di antara pihak-pihak yang bertelagah dan dapat mengukuhkan lagi tali persaudaraan terumanya hubungan di antara anggota keluarga.

Pelaksanaan Majlis Sulh Di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan

Pelaksanaan *sulh* adalah antara idea dan usaha bagi peningkatan perkhidmatan dan profesionalisme institusi kehakiman Syariah daripada aspek pengurusan kes yang telah diberi perhatian di Mahkamah Syariah kini (Raihanah Azahari, 2006). Pelaksanaan *sulh* di Mahkamah Syariah telah menerima unsur penambahbaikan dari tahun ke tahun daripada aspek perundangan dan inovasi pentadbiran serta infrastruktur. Penyelesaian kes di Mahkamah Syariah amat bergantung kepada kemahiran dan kompetensi Pegawai *Sulh* yang mengendalikan Majlis Sulh berdasarkan kepada prosedurnya yang formal (Wan Azimin, Ahmad Hidayat & Zubaidi Sulaiman, 2022). Dalam aspek pengendalian Majlis Sulh, Pegawai Syariah melaksanakannya secara fleksibel bagi mengemukakan penyelesaian secara berkesan dan sesuai dengan situasi setempat dan semasa (Said Bauheraoua, 2010).

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) telah melaksanakan Majlis Sulh bermula tahun 2006 sehingga kini. Sepanjang pelaksanaannya selama hampir 17 tahun, Majlis Sulh telah membantu ramai pihak yang bertikai menyelesaikan pertikaian secara damai, mudah dan cepat. Majlis Sulh ertinya suatu sesi pengantaraan antara pihak-pihak yang dipengerusikan oleh Pegawai *Sulh* untuk menyelesaikan kes dengan cara *Sulh* (Kaedah-Kaedah Tatacara *Sulh* Mahkamah Syariah Negeri Sembilan [2016]). Dalam *Sulh Kit* Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKNS) 2018 didefinisikan sebagai sesi perundingan dipimpin di antara dua pihak yang bertikai yang dipengerusikan oleh Pegawai *Sulh* Mahkamah Syariah dengan tujuan untuk mendapatkan persetujuan bersama dalam menyelesaikan suatu pertikaian secara damai tanpa perlu melalui proses perbicaraan dalam Mahkamah. Pada peringkat awal Majlis Sulh ini diperkenalkan, tiada Pegawai Syariah yang khusus ditugaskan sebagai Pegawai *Sulh*. Ketika ini, Hakim *Syarie* turut menjalankan tugas sebagai Pegawai *Sulh* bagi kes-kes pertikaian yang melibatkan *Hadhanah*, Harta Sepencarian, Nafkah Anak, Nafkah Isteri, Nafkah *İddah* dan *Mutaáh*. Pada tahun 2008, dua orang Pegawai Syariah lantikan baharu telah ditempatkan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan (MTS) dan Mahkamah Rendah Syariah Jempol sebagai Pegawai *Sulh*. Hal ini sedikit sebanyak meringankan beban tugas hakim yang terpaksa menjalankan dua tugas dalam satu masa. Namun, di Mahkamah-mahkamah Rendah Syariah di daerah yang lain, Hakim-hakim masih lagi menjalankan Majlis Sulh.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2010, adalah tahun di mana *sulh* mula dikenali dan dijalankan sepenuhnya dengan kehadiran Pegawai Syariah baharu yang ditugaskan sebagai Pegawai *Sulh* di setiap Mahkamah Rendah Syariah daerah. Pada tahun yang sama, satu Arahan Amalan telah dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) berkaitan penentuan kes yang perlu dirujuk ke Majlis Sulh pada peringkat pendaftaran iaitu sebanyak 18 kes. Dalam menjalankan tugas, Pegawai *Sulh* mengikut hukum syarak dan terikat dengan beberapa peruntukan undang-undang utama iaitu Seksyen 99, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2003, seksyen 77 (5) (c) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan 2003), Kaedah-Kaedah Tatacara *Sulh* Mahkamah Syariah Negeri Sembilan (2016), Buku Manual Kerja *Sulh* dan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Hasnizam, Maizatul Farishah & Norman Zakiyy, 2021).

Sesi Majlis Sulh ini diadakan dalam tempoh 90 hari atau selama tiga hingga empat sesi mengikut keperluan. Pegawai *Sulh* akan sedaya upaya menyelesaikan pertikaian dalam tempoh ini bagi mendapat kata sepakat dan persetujuan bersama pihak-pihak agar kes tersebut selesai secara sukarela tanpa perlu dipanjangkan ke peringkat perbicaraan. Proses konvensional di Mahkamah iaitu perbicaraan yang panjang, kos yang tinggi tidak memberi kepuasan kepada pelanggan yang terlibat telah membawa kepada peralihan mekanisme iaitu penyelesaian kes secara alternatif iaitu dengan cara *sulh*. Melalui mekanisme ini juga, ia bukan sahaja menyelesaikan isu tunggakan kes, malah pihak-pihak mendapat manfaat iaitu penjimatan kos, masa dan penyelesaian dicapai secara sukarela. (Ruzita Ramli, Dina Imam Sipaat & Hasnizam Hashim (2020).

Selain itu Majlis Sulh ini juga adalah bersifat rahsia yang mana Pegawai Sulh akan melindungi setiap kenyataan pihak-pihak semasa perbincangan tanpa didedahkan kepada orang lain. Atas faktor kerahsiaan juga, Majlis Sulh hanya melibatkan Pegawai Sulh dan pihak-pihak betikai sahaja tanpa kehadiran peguam atau orang ketiga dari mana-mana pihak. Di samping itu, Majlis Sulh lebih melihat kepada kepentingan masa depan pihak-pihak dan bukannya mengungkit serta menyalahkan pihak yang lain, serta penyelesaiannya adalah secara terbuka dan bukannya melepaskan dendam. (*Sulh Kit* JKSN, 2018).

Pelaksanaan Majlis Sulh diperluas dengan idea *One Stop Centre* yang telah diperkenalkan di JKSN pada bulan Mei 2013 seiring dengan perpindahan JKSN dari bangunan lama bertempat di sebelah Masjid Negeri, Seremban ke kompleks baharu di Bandar Sri Sendayan. Pusat setempat tanpa pengasingan mahkamah (bagi Mahkamah Tinggi Syariah Seremban dan Mahkamah Rendah Syariah Seremban) ini melibatkan kaunter pendaftaran, sumber manusia, bahagian pentadbiran dan kewangan, bahagian kehakiman serta pewujudan Unit *Sulh*. Oleh itu, semua Pegawai *Sulh* di daerah dikumpul dan ditempatkan di Unit *Sulh*, Ibu Pejabat dan akan bertugas secara litar bagi menyelesaikan kes-kes sulh di daerah-daerah. Pada tahun 2021, terdapat usaha penyeragaman kaedah *sulh* yang diurus setia oleh JKSM. Oleh itu, Negeri Sembilan kini sedang dalam tindakan bagi penyediaan draf pindaan bagi menyambut baik usaha JKSM tersebut agar Kaedah-Kaedah Tatacara *Sulh* ini seragam dengan tujuan untuk menambah baik dan memperkasakan lagi pelaksanaan Majlis Sulh di Malaysia.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Cabaran Dalam Pelaksanaan Majlis Sulh Di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan

Terdapat tiga peringkat pelaksanaan Majlis Sulh iaitu peringkat pra Majlis Sulh, sesi Majlis Sulh dan pasca Majlis Sulh. Pra Majlis Sulh merupakan peringkat yang bermula dari Plaintiff memfailkan kes di kaunter pendaftaran sehinggalah pihak-pihak hadir semasa Majlis Sulh di hadapan Pegawai *Sulh*. Semasa Plaintiff memfailkan kes, pendaftar mahkamah perlu menetapkan tarikh perjumpaan pihak-pihak dalam tempoh 21 hari dari tarikh kes didaftarkan. Selepas itu, satu notis kehadiran dikeluarkan kepada pihak Plaintiff dan Defendan yang juga dikenali sebagai Notis Kehadiran *Sulh* (Norfadzillah, 2023).

Antara isu dan cabaran awal yang dihadapi mahkamah pada peringkat ini ialah apabila butiran penting berkaitan Defendan tidak diisi dengan lengkap oleh Plaintiff seperti alamat rumah dan nombor telefon. Hal ini berlaku kerana beberapa faktor seperti Plaintiff dan Defendan tidak lagi berhubung selepas perceraian, Defendan tidak memberikan kerjasama atau Defendan menghilangkan diri. Begitu juga terdapat segelintir Plaintiff yang menganggap bahawa mahkamah akan membantu mereka mencari kesemua butiran yang diperlukan berkaitan Defendan. Ketiadaan maklumat yang lengkap menyukarkan Pegawai Sulh untuk mengesan Defendan seterusnya menyebabkan sesi Majlis Sulh ditangguhkan (Norfadzillah, 2023). Di samping itu, notis *sulh* yang dikeluarkan pihak mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk mewajibkan kehadiran pihak Plaintiff seperti saman. Secara amalan, penyerahan Notis Sulh kali pertama dilakukan melalui penghantar notis. Sekiranya Defendan tidak hadir, Notis Sulh yang menetapkan tarikh baharu akan dikeluarkan Pegawai Sulh yang mana penghantarannya hanyalah melalui kiriman pos. Penyampaian notis melalui cara ini sudah tentu menyukarkan Pegawai *Sulh* untuk mengetahui sama ada Defendan telah menerima notis tersebut atau sebaliknya. Oleh kerana Notis *Sulh* tidak mengikat kehadiran ke Majlis Sulh dan bagi melicinkan perjalanan Majlis Sulh, kelazimannya Pegawai *Sulh* akan menghubungi semua pihak-pihak terlebih dahulu sebelum tarikh yang ditetapkan. Sekiranya Defendan tidak menerima sebarang notis atau tidak hadir, Pegawai *Sulh* perlu menetapkan semula tarikh yang bersesuaian yang menyebabkan tempoh Majlis Sulh menjadi lebih lama dari sepatutnya. Bahkan sekiranya Defendan tidak dapat dihubungi dan tidak hadir semasa Majlis Sulh sudah tentu menyusahkan pihak Plaintiff yang hadir ketika tarikh tersebut (Zulzaidi, 2023).

Isu dan cabaran juga dikenalpasti berlaku ketika melibatkan penghantaran Notis *Sulh* di luar bidang kuasa negeri. Proses penghantaran Notis *Sulh* di luar bidang kuasa agak rumit. Mahkamah yang menerima pendaftaran kes akan menghantar Notis *Sulh* ke mahkamah yang berbidangkuasa. Isu ini membawa kepada penetapan tarikh Majlis Sulh yang sepatutnya dalam ditetapkan dalam tempoh 21 hari ditangguhkan ke suatu tempoh yang lain. Kelewatan menerima laporan penerimaan Notis *Sulh* oleh Defendan boleh membawa kepada kesukaran kepada Pegawai *Sulh* dan Plaintiff. Secara kelaziman, jarak sesebuah negeri seperti Sabah dan Sarawak dengan Negeri Sembilan menjadi faktor kepada kelewatan penerimaan laporan seterusnya membawa kepada penangguhan kes (Siti Zaidah, 2023).

Peringkat semasa Majlis Sulh pula bermula pada hari pertemuan *Sulh* yang telah ditetapkan selepas 21 hari. Pihak Plaintiff dan Defendan yang hadir ke Majlis Sulh hendaklah

mendaftarkan kehadiran dalam borang yang disediakan di kaunter *Sulh*, Pejabat Sulh aras 1, secara layan diri. Seterusnya, pihak-pihak akan dipanggil mengikut giliran yang ditetapkan dalam jadual Pegawai-pegawai *Sulh*. Majlis Sulh yang diadakan hanya melibatkan pihak-pihak bertikai dan Pegawai *Sulh* sahaja dan diadakan di kamar *Sulh* serta mengikut Hukum Syarak, undang-undang dan Kaedah-kaedah Tatacara *Sulh* 2016. Sekiranya terdapat penyelesaian dan persetujuan bersama, perjanjian Penyelesaian akan dibuat, disemak dan ditandatangani oleh pihak-pihak sebelum diendorskan di hadapan Hakim (Norfadzillah, 2023).

Isu dan cabaran pertama yang dihadapi ialah terdapat juga pihak-pihak atau salah satu pihak tidak hadir pada hari yang ditetapkan menyebabkan tangguhan perlu dibuat kerana Majlis Sulh tidak dapat dijalankan dengan hanya kehadiran sebelah pihak (Zulzaidi, 2023). Selain itu, terdapat keadaan yang mana kedua-dua pihak hadir tetapi tidak bersedia untuk memberi kerjasama dalam perbincangan. Mereka hanya memeluk tubuh dan tidak mahu menyelesaikan apa-apa tuntutan. Hal ini memerlukan kemahiran pegawai *Sulh* untuk memujuk, menjelaskan dan meyakinkan mereka untuk bersama-sama dalam perbincangan. Kebiasaannya, untuk mengendalikan pihak-pihak sebegini, memerlukan sesi Kaukus (iaitu perbincangan sebelah pihak). Walau bagaimanapun, masa yang terhad menjadi cabaran seterusnya dalam menjalankan kaukus kerana sesi ini agak mengambil masa (Norfadzillah, 2023).

Isu dan cabaran seterusnya adalah kedua-dua pihak hadir, walau bagaimanapun tidak bersedia untuk sebarang perbincangan dan tindakan penyelesaian kerana tidak menerima Penyata Tuntutan (dokumen tuntutan Plaintiff terhadap sesuatu pertikaian) terlebih dahulu. Amalan di Negeri Sembilan, Notis *Sulh* dihantar kepada pihak Defendan tanpa Penyata Tuntutan Plaintiff bagi mengelakkan pihak Defendan merasakan tuntutan tersebut adalah tidak berasas atau melampau, menyebabkan ketidakhadiran pihak Defendan dan perbincangan melalui *Sulh* tidak dapat dijalankan. Oleh itu, bagi kes sebegini, sesi Majlis Sulh ditangguhkan bagi memberi ruang pihak Defendan memahami tuntutan Plaintiff (Siti Zaidah, 2023).

Sikap agresif pihak-pihak sehingga menjadi ancaman keselamatan kepada Pegawai *Sulh* juga menjadi satu isu dan cabaran yang perlu dihadapi. Pihak-pihak seharusnya berfikiran terbuka dan berlapang dada dalam membuat perbincangan dalam Majlis Sulh agar kedua-dua pihak mendapat penyelesaian secara kerjasama, toleransi dan adil. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku sebaliknya, polis Mahkamah akan dipanggil bagi mengawal dan meredakan keadaan. Namun begitu, cabarannya adalah polis mahkamah bertanggungjawab terhadap dewan-dewan bicara di aras 2 dan 3, menyebabkan kelewatan untuk polis mahkamah turun ke aras 1 bagi membantu Pegawai *Sulh* (Norfadzillah, 2023).

Selanjutnya, pada peringkat pasca Majlis Sulh yang merupakan peringkat yang ketiga dan terakhir dalam proses perundingan Majlis Sulh. Antara isu dan cabaran yang sering berlaku ialah salah satu pihak tidak bersetuju dengan Perjanjian Penyelesaian yang telah direkodkan di hadapan Pegawai *Sulh*. Isu ini berlaku apabila pihak-pihak berubah fikiran setelah selesai perundingan di hadapan Pegawai *Sulh* dan enggan menandatangani Perjanjian Penyelesaian. Keadaan ini telah menimbulkan konflik di antara pihak-pihak dan menjejaskan persetujuan

yang direkodkan semasa Majlis Sulh. Maka, Pegawai *Sulh* terpaksa membuat perundingan semula bagi memastikan pihak-pihak tidak mahu meneruskan Majlis Sulh dan kes akan diagihkan ke sesi perbicaraan di hadapan hakim. Situasi ini telah memberi kesan kepada masa Pegawai *Sulh* dalam mengendalikan kes tersebut dan masa pelanggan lain yang telah sedia ada menunggu (Zulzaidi, 2023).

Seterusnya, isu dan cabaran pasca Majlis Sulh ialah apabila salah satu atau kedua-dua pihak yang diwakili oleh Peguam *Syarie* enggan menandatangani Perjanjian Penyelesaian setelah selesai perundingan di Majlis Sulh. Perbincangan Majlis Sulh hanya melibatkan di antara Pegawai *Sulh* dan pihak-pihak sahaja. Peguam *Syarie* yang mewakili pihak-pihak adalah tidak dibenarkan masuk. Perkara ini adalah merupakan peraturan Majlis Sulh. Pihak-pihak hendaklah membuat keputusan secara suci hati tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak termasuk Peguam *Syarie* yang mewakili. Isu ini timbul bila mana pihak-pihak telah merekodkan persetujuan, maka dalam tempoh Pegawai *Sulh* menyediakan draf Perjanjian Penyelesaian, pihak-pihak telah merujuk Peguam *Syarie* yang mewakili mereka. Maka, berlaku keadaan pihak-pihak enggan bersetuju dengan persetujuan yang telah direkodkan dan enggan menandatangani perjanjian. Justeru pihak-pihak memilih untuk kes diteruskan perbicaraan di hadapan hakim (Zulzaidi, 2003).

Di samping itu, terdapat juga keadaan di mana pihak Plaintiff atau Defendan telah gagal atau tidak mematuhi Perjanjian Penyelesaian yang telah di endorse di hadapan hakim yang menjadi perintah mahkamah. Perjanjian Penyelesaian yang dibuat adalah berdasarkan persetujuan pihak-pihak secara sukarela tanpa paksaan dari mana-mana pihak. Pihak-pihak telah membuat keputusan dan menyelesaikan tuntutan-tuntutan di mahkamah ini hasil perbincangan secara harmoni dan suci hati semasa perundingan di Majlis Sulh. Walaubagaimanapun, berlaku keadaan di mana pihak-pihak tidak akur dengan perintah mahkamah ini dan menyebabkan pelanggaran perintah mahkamah. Keadaan ini akan menimbulkan konflik di antara pihak-pihak yang bertikai dan boleh menyebabkan kes-kes yang telah diselesaikan secara damai di Majlis Sulh akan disebut semula di mahkamah sekiranya salah satu pihak datang memfailkan tuntutan ubah perintah atau pun kuatkuasa perintah (Siti Zaidah, 2023).

Selain itu, isu dan cabaran di peringkat pasca Majlis Sulh ialah salah satu pihak tidak hadir semasa pengendorsan Perjanjian Penyelesaian di hadapan hakim. Bagi kes-kes Majlis Sulh yang telah selesai di hadapan Pegawai *Sulh* dan telah ditandatangani oleh pihak-pihak, perjanjian tersebut hendaklah diendorse di hadapan hakim bagi menjadikan ia sebagai perintah mahkamah yang mengikat pihak-pihak dan boleh dikuatkuasakan. Kebiasaannya proses ini dilaksanakan pada hari yang sama Majlis Sulh selesai dibuat. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan kes-kes Majlis Sulh yang telah selesai tidak dapat dibuat pengendorsan pada hari yang sama disebabkan terdapat kekangan seperti ketiadaan hakim pada hari tersebut ataupun permintaan daripada pihak-pihak itu sendiri. Namun terdapat pihak-pihak tidak hadir pengendorsan pada tarikh yang telah ditetapkan. Justeru, keadaan ini telah mengganggu kelancaran pengendorsan Perjanjian Penyelesaian yang telah dibuat. Keadaan ini menyebabkan Perjanjian Penyelesaian yang telah dibuat tidak dapat dijadikan perintah mahkamah kerana tidak mendapat kerjasama dari salah satu pihak. Mahkamah boleh menetapkan satu tarikh yang baharu bagi memberi peluang kepada pihak-pihak.

Namun sekiranya keadaan berterusan, iaitu salah satu pihak masih tidak hadir boleh menyebabkan status kes tersebut digagalkan dan akan melalui proses perbicaraan. Ini kerana Perjanjian Penyelesaian yang telah ditandatangani harus diendorse di hadapan hakim dengan kehadiran kedua-dua pihak (Norfadzillah, 2023). Cabaran-cabaran yang dikenal pasti diringkaskan melalui rajah berikut:

Rajah 1: Cabaran Pelaksanaan Majlis Sulh di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan



Rajah 1 di atas menunjukkan cabaran-cabaran yang dihadapi terutamanya oleh Pegawai Sulh di ketiga-tiga peringkat Majlis Sulh. Cabaran-cabaran yang dikenal pasti ini menggambarkan masalah yang dihadapi dan perlu diselesaikan bagi memastikan pelaksanaan Majlis Sulh yang lebih lancar dan lebih berkesan.

Keberkesanan Pelaksanaan Majlis Sulh

Secara umumnya, keberkesanan pelaksanaan *sulh* di mahkamah Syariah di seluruh Malaysia dapat diperolehi melalui peratusan yang tinggi kes berjaya diselesaikan. Ia menggambarkan *sulh* mampu mengurangkan kes-kes tertangguh yang menjejaskan reputasi Mahkamah Syariah selama ini (Adzidah, 2016). Secara khusus, keberkesanan pelaksanaan Majlis Sulh di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan boleh dirujuk melalui rajah berikut:

Jadual 1: Statistik Kes Majlis Sulh yang didaftarkan dan berjaya diselesaikan dari tahun 2017-2021

TAHUN	KES DAFTAR	KES BERJAYA
2017	1456	684
2018	1340	639
2019	1456	740
2020	1086	559
2021	863	469

(Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan)

Jadual 1 di atas memaparkan bilangan kes dan kes yang berjaya diselesaikan melalui pelaksanaan Majlis Sulh di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan bermula dari tahun 2017 sehingga 2021. Pada tahun 2017 sebanyak 684 kes daripada 1456 kes berjaya diselesaikan yang mana bersamaan 65 peratus kes berjaya (tidak termasuk kes tidak hadir). Sementara itu pada tahun 2018, pula sejumlah 639 kes telah berjaya diselesaikan yang mewakili 71 peratus (tidak termasuk kes tidak hadir). Bagi tahun 2019 pula, sebanyak 74 peratus kes berjaya diselesaikan iaitu 740 kes daripada 1456 kes yang didaftarkan (tidak termasuk kes tidak hadir). Pada tahun berikutnya, sebanyak 559 kes berjaya diselesaikan daripada 1086 kes yang didaftarkan yang mewakili sebanyak 75 peratus (tidak termasuk kes tidak hadir). Manakala sebanyak 73 peratus kes berjaya diselesaikan pada tahun 2021 iaitu 469 kes daripada 863 kes yang didaftarkan (tidak termasuk kes tidak hadir).

Statistik di atas menunjukkan bahawa Majlis Sulh berjaya mencapai objektifnya bagi membantu pihak-pihak yang bertikai serta pihak mahkamah. Ini kerana lebih 50 peratus dari jumlah kes yang didaftarkan berjaya diselesaikan melalui pelaksanaan Majlis Sulh setiap tahun. Ia sudah pasti menjimatkan kos kewangan dan masa pihak-pihak yang bertikai dan pihak mahkamah kerana tidak perlu menghadiri perbicaraan di mahkamah. Di samping itu, pelaksanaan Majlis Sulh juga dilihat mengurangkan perbicaraan di mahkamah dan meringankan beban yang dipikul oleh hakim.

KESIMPULAN

Pelaksanaan Majlis Sulh telah menunjukkan hasil yang positif terhadap pengurusan penyelesaian pertikaian kes-kes matrimonial sebagai suatu kaedah penyelesaian yang terbaik tanpa melibatkan proses litigasi mahkamah. Di sebalik pelaksanaan Majlis Sulh, terdapat isu dan cabaran yang perlu dihadapi. Isu dan cabaran di setiap peringkat tersebut perlu diberi perhatian serta penambahbaikan yang sewajarnya bagi memastikan matlamat pelaksanaan *sulh* iaitu untuk menjimatkan masa serta memenuhi kehendak kedua-dua pihak yang bertikai tercapai. Justeru, semua pihak yang kompeten perlu mengambil perhatian dan langkah yang sewajarnya bagi memastikan Majlis Sulh kekal sebagai ADR yang efektif di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan di masa hadapan.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2023-006) Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

RUJUKAN

- Adzidah Yaakob, Mohammad Zaharuddin Zakaria, Asmidah Ahmad, Kamilah Wati Mohd & Mustafa Afifi Ab Halim. (2016). *Pengenalan dan keberkesanan sulh di Mahkamah Syariah*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Al-Bukhari, I.A.A. (t.t). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Allamah.
- Al-Kahlabi, A.S.A.I.M. (2002). *Subul al-Salam Al-Musilah Ila Bulugh Al-Maram*. Kaherah: Darul Fikr.
- Al-Nasafi, A.H.U. (1997). *Talabah al-Talabah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Al-Quran (Tafsir Pimpinan al-Quran Kepada Pengertian al-Quran). 2013. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Al-Raghib al-Asafihani, A.Q.A.H. (1972). *Mu`jam Mufradat Alfaz al-Qur`an*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Arnus, M.M. (t.t). *Tarikh al-Qada` Fi al-Islam*, Kaherah: al-Matba`ah al-Misriyyah al-Hadithah.
- As-Syarbini, S.A.M. (1997). *Mughni al Muhtaj*. Mesir: Syarikat Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-babi al-Halabi.
- Hasnizam Bin Hashim, Maizatul Farishah Binti Mohd Mokhtarii, Norman Zakiyy Chow Jen T`chiangii. (2021). *Majlis Sulh: mekanisme pelaksanaan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan*. Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 “Wawasan Kemakmuran Bersama 2030” Khamis, 9 September 2021 Universiti Sains Islam Malaysia.
- Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2016.
- Majalah al-Ahkam Johor*. (2002). Muar: Matba`ah Khairiah .
- Raihanah Hj Azahari. (2006). Modifikasi teori Sulh dalam Fiqh klasik berasaskan data-data kajian terbaru. *Jurnal Pengajian Melayu* 17: 232.
- Ruzita Ramli, Dina Imam Supaat & Hasnizam Hashim (2020). Arahan Amalan berkaitan Sulh bagi kes Hadhanah dan Nafkah Anak di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan: Cabaran dan Prospek. *Jurnal Hukum*.51(2).
- Said Bouheraoua. (2010). Foundations of mediation in Islamic law and its contemporary application. In Muhammad Naqib Ishan Jan & Ashgar Ali (Eds.), *Mediation in Malaysia: The law and practice* (p. 385-386). LexisNexis.
- Sulh Kit. (2018). Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS).
- Wan Azimin Wan Adnan, Ahmad Hidayat Buang & Zubaidi Sulaiman. (2022). Pemerkasaan pelaksanaan sulh dalam kes-kes hartanah melalui pemakaian arahan amalan di Mahkamah Syariah di Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies* 13(2): 345-371.

TEMUBUAL

- Norfadzillah binti Rosli. Pegawai Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Temu bual pada 9 Februari 2023.
- Siti Zaidah binti Husain. Pegawai Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Temu bual pada 20 Mac 2023.
- Zulzaidi bin Mahmod. Ketua Unit Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Temu bual pada 21 Mac 2023.